



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI & HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

**YB TUAN CHONG CHIENG JEN
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM
NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

DI

**MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN STESEN
MINYAK PETRONAS MILIK HARAPAN OPTIMA
SDN. BHD.**

PADA

06 OKTOBER 2018

TEMPAT

**JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, 96000
SIBU, SARAWAK**

Terima kasih Pengacara Majlis,

Salam Sejahtera,

Salutasi

- 1.** Pertama – tamanya saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran kerana dapat bersama – sama dengan hadirin sekalian di majlis ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih penghargaan dan tahniah kepada **Encik Daniel Sng Wei Siong, Pengusaha Stesyen Petronas Tunku Abdul Rahman 2,** yang

sudi menjemput saya merasmikan pembukaan stesen minyak ini.

2. Ucapan penghargaan dan tahniah juga saya ucapkan kepada kepimpinan Petronas terutamanya Petronas Dagangan Berhad, pemimpin-pemimpin tempatan, wakil agensi Kerajaan di atas jalinan kerjasama erat dalam menjayakan program ini.

***Hadirin yang dihormati
sekalian,***

3. Majlis ini juga merupakan platform terbaik bagi meningkatkan hubungan serta kerjasama erat antara pihak Kementerian dengan pengusaha-pengusaha stesen minyak. Ini juga sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian untuk mengeratkan sesi (engagement) dengan semua pemain industri terutamanya syarikat minyak selaras dengan komitmen Kementerian sebagai peneraju kepada pembangunan industri hiliran (downstream) petroleum di Malaysia.

4. Selain itu, majlis seperti ini juga dapat bertindak sebagai platform bagi Kerajaan dan pengusaha dalam berbincang dan menerima pendapat serta pandangan secara terus dan bersemuka dalam memastikan persaingan sihat antara pengusaha stesen minyak di seluruh negara. Kerajaan dalam konteks ini sentiasa bersikap terbuka dan konsisten dalam membangunkan industry downstream (hiliran petroleum) khususnya perniagaan runcit (stesen minyak) agar ia dapat

dibangunkan secara lebih tersusun dengan pembinaan dan pembangunan stesen yang lebih moden di lokasi strategik. Kementerian juga berharap agar melalui usaha-usaha sebegini, industri runcit petroleum mampu melahirkan pengusaha stesen yang memiliki ciri keusahawanan yang tinggi dan berintegriti.

***Hadirin yang dihormati
sekalian,***

- 5.** Selain bertanggung jawab ke atas hal-hal berkaitan industri hiliran

petroleum, Kementerian juga mengawal selia industri hiliran petroleum yang lain seperti memasar dan mengedar secara borong bahan-bahan petroleum, aktiviti bunkering (pemindahan bahan petroleum ke tangki kapal bagi tujuan menggerakkan kapal) serta aktiviti pengangkutan bahan petroleum dan semuanya tertakluk kepada satu Akta yang dinamakan Akta Kemajuan Petroleum 1974 atau nama ringkasnya PDA (Petroleum Development Act).

***Hadirin yang dihormati
sekalian,***

- 6.** Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain dalam usaha membangunkan industri petroleum khususnya industri peruncitan petroleum. Kementerian berusaha untuk memastikan rangkaian pengedaran dan akses kepada bahan petroleum lebih mudah kepada pengguna. Sehubungan itu,

ucapan tahniah dan terima kasih harus diberikan kepada Tuan Daniel Sng Wei Siong atas pembukaan stesen minyak ini di mana ia secara tidak langsung menyokong kepada usaha tersebut.

- 7.** Untuk makluman tuan/puan, secara keseluruhannya Kementerian telah meluluskan sebanyak 574 permohonan baharu dan ambil alih stesen minyak pada tahun 2018 di seluruh negara. Kementerian dengan kerjasama syarikat-

syarikat minyak sedang merancang untuk memperluaskan rangkaian stesen minyak khususnya di negeri Sarawak dan penambahan bilangan stesen minyak baharu di negeri ini membantu perkembangan infrastruktur dan pembangunan ekonomi negeri.

- 8.** Di samping penambahan stesyen minyak di kawasan bandar, kerajaan juga tidak akan mengetepikan keperluan penduduk di luar bandar yang mempunyai kesukaran bagi

mendapatkan bekalan bahan produk petroleum. Hasrat untuk membantu penduduk di kawasan luar bandar akan diteruskan oleh kementerian terutamanya di kawasan pedalaman bagi Sabah dan Sarawak dengan mewujudkan stesyen minyak mini yang juga boleh bertindak sebagai hub bagi pengedaran barang asas/perlu. Dengan kerjasama daripada syarikat minyak dan pengusaha tempatan, kementerian berharap agar inisiatif ini dapat dilaksanakan agar "reach out"

bagi accessibility ini dapat dirasakan oleh penduduk luar bandar juga.

***Hadirin yang dihormati
sekalian,***

- 9.** Bagi memastikan bekalan minyak terjamin, pengusaha-pengusaha stesen minyak perlu memainkan peranan lebih aktif dengan memastikan kuota bekalan minyak yang ditetapkan oleh Kerajaan dijual dan disalurkan sebaiknya untuk kepentingan rakyat dan bukan semata-mata untuk meningkatkan jualan demi

mengaut keuntungan sahaja. Selain itu, pihak pengusaha hendaklah bekerjasama erat dengan Kementerian bagi memastikan isu kehabisan bekalan atau stock out tidak berlaku.

- 10.** Di kesempatan ini juga, suka saya memberi ingatan kepada semua pengusaha stesen minyak supaya meletakkan keutamaan terhadap aspek keselamatan di stesen minyak dan tidak boleh dipandang ringan. Hal ini disebabkan oleh risiko yang tinggi yang terpaksa

dihadapi terutamanya yang melibatkan keselamatan produk petroleum jika berlaku kebakaran.

- 11.** Sehubungan dengan itu inisiatif kesedaran secara berterusan seperti kempen keselamatan petroleum perlulah diadakan bagi memberi maklumat dan pendedahan kepada rakyat mengenai aspek keselamatan yang perlu dipatuhi semasa di stesen minyak. Selain itu, pihak pengusaha juga perlu memastikan keadaan stesen minyak adalah selamat untuk

beroperasi dan disamping membantu mendidik pengguna mengenai kaedah-kaedah pengisian minyak ke tangki kenderaan dengan cara yang selamat. Sebagai contoh, mematikan enjin kenderaan serta tidak menggunakan telefon bimbit ketika mengisi minyak.

12. Kementerian juga berharap supaya pengusaha-pengusaha stesen minyak bukan sahaja mempunyai hubungan baik dengan Kementerian, malah perlu juga memastikan hubungan baik

dan akrab dengan syarikat minyak. Segala isu-isu yang timbul antara pengusaha dan syarikat minyak perlulah diuruskan dengan cara yang baik agar suasana harmoni dapat diwujudkan dalam industri ini dan memastikan kepentingan awam diberi keutamaan dalam urusan operasi stesen minyak. Bagi memastikan perkara ini menjadi lancar, Kerajaan bersedia menjadi pemudah cara dalam meningkatkan hubungan baik antara syarikat minyak dan pengusaha stesen.

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah kepada Tuan Daniel Sng Wei Siong dan Petronas Dagangan Berhad (PDB) atas pembukaan stesen minyak ini. Saya berharap dapat melihat perkembangan yang baik dalam pembukaan stesen minyak baharu di negeri Sarawak pada masa akan datang.

14. Akhir kata, saya dengan ini merasmikan pembukaan stesen minyak Petronas milik Harapan

Optime Sdn. Bhd. di Jalan Tunku
Abdul Rahman pada hari ini.

Sekian, terima kasih.

Maklumat Tambahan

Petrol RON 95 (Current Price at the Petrol Pump RM 2.20)

- On September Price for Petrol RON 95 without subsidy is **RM 2.51** per litre. Govt subsidise **0.31 cent per litre.**
- On October Price for Petrol RON 95 without subsidy is **RM 2.65** per litre. Govt subsidise **0.45 per litre.**
- Govt need to fork out approximately RM 14.58 Million per litre as of the current price for the population of 32.4 Million of people in Malaysia.
- We estimated the price for Petrol RON 95 can hike up to RM 2.71 per litre by the end of year.

Diesel (Current Price at the Petrol Pump RM 2.18)

- On September price for Diesel without subsidy is **RM 2.50** per litre on September. Govt subsidise 0.32 cent per litre.
- On October price for Diesel without subsidy is **RM 2.66** per litre. Govt subsidise 0.48 per litre.
- Govt need to fork out approximately RM 15.55 Million per litre as of current price for the population of 32.4 Million of people in Malaysia.
- We estimated the price for Diesel can hike up to around RM 2.75 per litre by the end of year.

AMOUNT OF SUBSIDY FOR PETROL AND DIESEL FROM MEI - AUGUST

BULAN	PETROL (RM)	DIESEL (RM)
MEI 2018	384,598,298.11	232,588,141.18
JUN 2018	314,119,472.91	232,588,141.18
JULAI 2018	319,119,227.75	211,638,581.35
OGOS 2018 (ANGGARAN)	310,766,477.36	131,060,608.44
JUMLAH	1,328,603,476.13	777,621,510.60

- Govt predicted that the amount of subsidy for LPG, Petrol RON 95 and Diesel can reach up to **RM 7 Billion** by end of 2018.